



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERANAN INTERAKSIONISME SIMBOLIK DAN
AKULTURASI TERHADAP INTERAKSI SILANG
BUDAYA DALAM KALANGAN PELAJAR
ANTARABANGSA DI SEBUAH
UNIVERSITI AWAM
MALAYSIA**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NURAFIFAH NATRAH BINTI AHMAD NAHAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERANAN INTERAKSIONISME SIMBOLIK DAN AKULTURASI TERHADAP
INTERAKSI SILANG BUDAYA DALAM KALANGAN PELAJAR
ANTARABANGSA DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM
MALAYSIA**

NURAFIFAH NATRAH BINTI AHMAD NAHAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (√)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

| |
|---|
| |
| |
| √ |
| |

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 12 FEBUARI 2025.

i. Perakuan pelajar :

Saya, NURAFIFAH NATRAH BINTI AHMAD NAHAR, NO. MATRIK M20191000457, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk

PERANAN INTERAKSIONISME SIMBOLIK DAN AKULTURASI TERHADAP INTERAKSI SILANG BUDAYA DALAM KALANGAN PELAJAR ANTARABANGSA DI SEBUAH UNWERSITI AWAM MALAYSIA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. NOOR INSYIRAAH BINTI ABU BAKAR dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PERANAN INTERAKSIONISME SIMBOLIK DAN AKULTURASI TERHADAP INTERAKSI SILANG BUDAYA DALAM KALANGAN PELAJAR ANTARABANGSA DI SEBUAH

UNWERSITI AWAM MALAYSIA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN).

1 APRIL 2025

Tarikh

DR. NOOR INSYIRAAH BINTI ABU BAKAR
Senior Lecturer
Faculty Of Human Development
Sultan Idris Education University
Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PERANAN INTERAKSIONALISME SIMBOLIK DAN AKULTURASI TERHADAP
INTERAKSI SILANG BUDAYA DALAM KALANGAN PELAJAR
ANTARABANGSA DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

No. Matrik / Matric's No.: M20191000457

Saya / I: NURAFIFAH NATRAH BINTI AHMAD NAHAR
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

Nurafifah Natrah

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tasya
DR. NUR INSYIRAH AHU BAKAR
NURAH BAKAR
Faculty Of Human Development
Sultan Idris Education University

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 1 APRIL 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan rasa syukur dan terima kasih yang tulus kepada individu yang banyak memainkan peranan penting dalam membantu saya melaksanakan kajian ini dengan jayanya. Perjalanan saya selama beberapa tahun dalam pengajian ini dengan cabaran dan rintangan. Saya dapat menyelesaikan disertasi ini berkat sokongan, bantuan, dan dorongan yang saya terima daripada program Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan), Fakulti Pembangunan Manusia di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pertama sekali, saya ingin memuji Allah S.W.T yang telah memberi saya kesempatan untuk menyelesaikan penelitian ini jayanya dan banyak terima kasih kepada Dr. Noor Insyirah Binti Abu Bakar dan Profesor Dr. Amir Hasan Bin Dawi sebagai pembimbing saya sepanjang saya melakukan penelitian ini. Terima kasih atas semua bimbingan dan ilmu yang sangat berguna bagi saya dalam menyelesaikan penelitian ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua informan temu bual iaitu pelajar antarabangsa yang telah sudi berkongsi pengalaman mengenai tajuk kajian. Terima kasih banyak juga kepada semua kakitangan Institut Pengajian Prasiswazah serta kakitangan Fakulti Pembangunan Manusia yang tidak jemu membantu menguruskan perjalanan penyelidikan ini dengan lancar. Penghargaan yang paling bermakna juga diberikan kepada rakan-rakan sepengajian-yang banyak memberi tunjuk ajar dan idea yang bernas dalam membaiki mutu penulisan ilmiah ini dan tidak lupa juga kepada Ayah dan Bonda serta seluruh ahli keluarga besar yang sentiasa memberikan sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini. Terima kasih yang tidak terhingga diatas jasa- jasa anda semua.





ABSTRAK

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti peranan interaksionisme simbolik terhadap interaksi silang budaya berdasarkan empat elemen makna simbolik iaitu objek, bahasa, perkataan dan perlakuan manakala masalah akulturasi juga diteliti oleh penyelidik terhadap pelajar antarabangsa di UPSI. Reka bentuk penyelidikan kualitatif dipilih berdasarkan kajian kes yang berlaku di lokasi kajian. Pungutan data pula menggunakan kaedah triangulasi data untuk mengumpulkan data kajian seperti temu bual, analisis dokumen dan senarai semak. Seramai 10 orang pelajar antarabangsa dipilih menjadi informan menggunakan teknik pensampelan bertujuan dan teknik pensampelan snowball. Dapatan kajian mendapati empat elemen dalam makna simbolik iaitu objek, bahasa, perlakuan dan perkataan memainkan peranan yang sangat penting dalam interaksi silang budaya. Penggunaan bahasa pula membawa peranan paling utama dalam interaksionisme simbolik. Manakala makna simbolik juga diadaptasikan melalui cara pemikiran individu tersebut dalam norma masyarakat mereka. Selain itu, masalah utama akulturasi yang diperolehi melalui kajian ini ialah halangan budaya dari akademik, budaya, pemakanan dan perubahan iklim. Walaubagaimanapun, informan kajian dapat menerima akulturasi budaya secara keseuruhan tanpa melupakan budaya asal mereka. Secara kesimpulan, kajian ini bahawa membuktikan interaksi silang budaya dan akulturasi ini sangat bermanfaat dalam proses komunikasi seharian manusia sepanjang menempuhi kehidupan di perantauan. Implikasi kajian pula menunjukkan bahawa interaksionisme simbolik dan akulturasi ini menambahkan motivasi pelajar antarabangsa dalam mengutamakan kemahiran belajar bahasa supaya menjadi lebih bersemangat dalam menempuh cabaran interaksi silang budaya di negara ini.





THE ROLE OF SYMBOLIC INTERACTIONISM AND ACCULTURATION IN CROSS-CULTURAL INTERACTIONS AMONG INTERNATIONAL STUDENTS AT A PUBLIC UNIVERSITY IN MALAYSIA

ABSTRACT

The aim of this research is to determine the role of symbolic interactionism in cross-cultural interactions through analysis of four components of symbolic meaning which is language, objects, words, and behaviour. Apart from that, the researcher will look at the problem of acculturation in relation to international students at UPSI. The qualitative research design was selected based on case studies conducted at the study location. A triangulation approach is used to collect research data, such as interviews, document analysis, and checklists. A total of ten international students were chosen as informants using purposive sampling and snowball sampling. The study's findings showed that four elements of symbolic meaning, which is objects, language, behaviour, and words an important role in cross-cultural encounters. The use of language is the most important component of symbolic interactionism. While the symbolic meaning can be affected by an individual's look of thinking in terms of cultural standards. Furthermore, the main issue of acculturation identified by this study is cultural barriers from academic settings, food traditions, and climatic change. However, the study informants can embrace cultural acculturation as a whole while maintaining their native culture. Finally, it demonstrates that cross-cultural engagement and acculturation are extremely advantageous in people's daily communication processes for their entire lives abroad. The study's implications demonstrate that symbolic interactionism and acculturation boost foreign students' motivation to prioritise language acquisition so they can take on the challenges of cross-cultural interaction in this nation with greater enthusiasm.



KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|-------------------------------------|------|
| PERAKUAN | ii |
| PENGESAHAN PENYERAHAN | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI RAJAH | xiii |
| SENARAI JADUAL | xiv |
| SENARAI SINGKATAN | xv |
| SENARAI LAMPIRAN | xvi |
| BAB 1 PENGENALAN | |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.2 Pernyataan Masalah | 6 |
| 1.3 Objektif kajian | 10 |
| 1.4 Persoalan kajian | 11 |
| 1.5 Kerangka konseptual kajian | 12 |
| 1.6 Definisi istilah | 15 |
| 1.6.1 Interaksi silang budaya | 15 |



| | | |
|---------|----------------------------|----|
| 1.6.2 | Akulturasi | 16 |
| 1.6.3 | Interaksionalisme simbolik | 17 |
| 1.6.3.1 | Bahasa | 17 |
| 1.6.3.2 | Perkataan | 18 |
| 1.6.3.3 | Perlakuan | 19 |
| 1.6.4 | Simbol | 19 |
| 1.6.5 | Pelajar antarabangsa | 20 |
| 1.7 | Batasan kajian | 20 |
| 1.8 | Kepentingan kajian | 21 |
| 1.9 | Rumusan Bab | 24 |

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

| | | |
|---------|--|----|
| 2.1 | Teori-teori sosiologi dengan interaksi silang budaya | 26 |
| 2.1.1 | Teori interaksionisme simbolik | 26 |
| 2.1.2 | Modal budaya | 28 |
| 2.1.3 | Modal sosial | 30 |
| 2.2 | Konsep interaksi silang budaya | 33 |
| 2.3 | Kajian berkaitan tentang Interaksi Silang Budaya | 34 |
| 2.3.1 | Makna simbolik dengan Interaksi Silang Budaya | 34 |
| 2.3.1.1 | Bahasa dalam makna simbolik | 34 |
| 2.3.1.2 | Perlakuan dalam makna simbolik | 37 |
| 2.3.1.3 | Perkataan dalam makna simbolik | 42 |
| 2.3.1.4 | Simbol dengan makna simbolik | 44 |
| 2.4 | Akulturasi terhadap konsep sendiri dalam Interaksi Silang Budaya | 47 |
| 2.4.1 | Kajian berkaitan Akulturasi terhadap Interaksi Silang Budaya | 47 |



2.5 Malaysia sebagai Hub Pendidikan Antarabangsa 55

2.6 Rumusan Bab 58

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendekatan Kajian 60

3.2 Reka Bentuk Kajian 61

3.3 Pensampelan dan Lokasi Kajian 62

3.3.1 Profil informan 63

3.4 Instrumen Kajian 65

3.5 Prosedur Pengumpulan Data 65

3.5.1 Temu bual 67

3.5.2 Pemerhatian 70

3.5.3 Analisis Dokumen 71

3.6 Kesahan Dan Kebolehpercayaan 73

3.6.1 Kesahan 74

3.6.2 Kebolehpercayaan 76

3.7 Kajian Rintis 78

3.8 Teknik Menganalisis Data 80

3.8.1: Fasa 1: Pengumpulan Data 80

3.8.2: Fasa 2: Menyediakan Transkrip Dan Teks. 81

3.8.3: Fasa 3: Mengorganisasikan Data. 82

3.8.4: Fasa 4: Menyediakan Kod Tema Dan Kategori. 84

3.8.5: Fasa 5: Menyaring dan Membaca Semula Data. 85

3.8.6: Fasa 6: Menyelidik Isi-Isi Penting 86

3.8.7: Fasa 7: Interpretasi Data untuk Membuat
Kesimpulan Awal (Reduksi) 87

| | | |
|-----------------------------|--|-----|
| 3.8.8: | Fasa 8: Menguji dan Replikasi (Laporan) | 87 |
| 3.9 | Pentadbiran kajian | 89 |
| 3.10 | Rumusan Bab | 91 |
| BAB 4 DAPATAN KAJIAN | | |
| 4.1 | Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian Pertama | 93 |
| 4.1.1 | Objek | 93 |
| 4.1.2 | Bahasa | 95 |
| 4.1.3 | Perlakuan | 98 |
| 4.1.4 | Perkataan | 102 |
| 4.2 | Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian Kedua | 104 |
| 4.2.1 | Objek | 104 |
| 4.2.2 | Bahasa | 106 |
| 4.2.3 | Perlakuan | 109 |
| 4.2.4 | Perkataan | 117 |
| 4.3 | Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian Ketiga | 121 |
| 4.3.1 | Akulturasi: Interaksi Sosial dengan Interaksi Silang Budaya | 122 |
| 4.3.2 | Akulturasi: Pengetahuan Tentang Malaysia Dengan Interaksi Silang Budaya | 126 |
| 4.3.3 | Akulturasi: Kehidupan Akademik dengan Interaksi Silang Budaya | 130 |
| 4.3.4 | Akulturasi: Psikologikal dengan Interaksi Silang Budaya | 134 |
| 4.4 | Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian Keempat | 138 |
| 4.4.1 | Masalah Akulturasi: Interaksi Sosial Dan Interaksi Silang Budaya | 139 |
| 4.4.2 | Masalah Akulturasi: Pengetahuan Tentang Malaysia Dan Interaksi Silang Budaya | 143 |

| | | |
|-------|--|-----|
| 4.4.3 | Masalah Akulturasi: Kehidupan Akademik dan Interaksi Silang Budaya | 146 |
| 4.4.4 | Masalah Akulturasi Dengan Psikologikal | 151 |
| 4.5 | Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian Kelima | 157 |
| 4.5.1 | Analisis Berdasarkan Dapatan Kajian Temu Bual | 157 |
| 4.5.2 | Analisis Berdasarkan Dokumen | 165 |
| 4.5.3 | Analisis Berdasarkan Pemerhatian Dan Senarai Semak | 170 |
| 4.6 | Rumusan Bab | 176 |

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

| | | |
|-------|---|-----|
| 5.1 | Perbincangan Soalan Kajian | 178 |
| 5.1.1 | Perbincangan 1 | 178 |
| 5.1.2 | Perbincangan kajian 2 | 193 |
| 5.1.3 | Perbincangan kajian 3 | 204 |
| 5.1.4 | Perbincangan kajian 4 | 218 |
| 5.1.5 | Perbincangan kajian 5 | 229 |
| 5.2 | Kesimpulan Keseluruhan Kajian | 233 |
| 5.3 | Implikasi Teori | 235 |
| 5.3.1 | Teori Internasionalisme Simbolik | 235 |
| 5.3.2 | Modal Budaya | 238 |
| 5.3.3 | Modal Sosial | 240 |
| 5.4 | Implikasi Kajian | 242 |
| 5.5 | Cadangan Kajian | 243 |
| 5.5.1 | Cadangan Kajian Lanjutan | 243 |
| 5.5.2 | Cadangan Kajian Terhadap Pihak Tertentu | 244 |



| | | |
|-------|--|-----|
| 5.5.3 | Cadangan Kajian Terhadap Sistem Pendidikan | 245 |
| 5.6 | Rumusan Bab | 246 |
| | RUJUKAN | 247 |
| | LAMPIRAN | 254 |





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

| | | |
|-----|--|-----|
| 1.1 | Kerangka Konseptual Kajian | 12 |
| 3.1 | Triangulasi Data Kajian | 67 |
| 3.2 | Penamaan semula tema | 86 |
| 3.3 | Teknik menganalisis data | 88 |
| 4.1 | Penyesuaian sosiobudaya pelajar antarabangsa di UPSI | 173 |



SENARAI JADUAL

| No. Jadual | | Muka Surat |
|------------|--|------------|
| 3.1 | Jadual profil informan kajian | 64 |
| 3.2 | Metrik temu bual dan pemerhatian kajian | 69 |
| 3.3 | Pengumpulan Data | 73 |
| 3.4 | Proses penyediaan transkrip dan pengekodan data | 82 |
| 3.5 | Proses mengorganisasikan dapatan kajian | 83 |
| 3.6 | Sampel penyusunan kod berdasarkan tema awal | 85 |
| 3.7 | Tatacara pentadbiran kajian | 90 |
| 4.1 | Bilangan penyertaan program yang disertai sampel kajian | 173 |
| 5.1 | Peranan makna simbolik berdasarkan analisis dapatan kajian | 179 |
| 5.2 | Peranan akulturasi dalam interaksi silang budaya | 205 |
| 5.3 | Jadual masalah akulturasi dengan interaksi silang budaya | 219 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|------|------------------------------------|
| Dr | Dokumen Rasmi |
| Dtr | Dokumen Tidak Rasmi |
| IPTA | Institut Pengajian Tinggi Awam |
| IPTS | Institut Pengajian Tinggi Swasta |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KPT | Kementerian Pengajian Tinggi |
| Ps | Pemerhatian Senarai Semak |
| Tb | Temu bual |
| UPSI | Universiti Pendidikan Sultan Idris |

SENARAI LAMPIRAN

- A Soalan temu bual: Pengalaman Interaksi Silang Budaya Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa
- B Senarai semak 1: Program pelajar antarabangsa sepanjang tahun 2019 hingga 2021
- C Senarai semak 2: Penyesuaian sosial budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI
- D Indeks Kod Dapatan Kajian
- E Pengekodan Data Temu Bual
- F Penyediaan Kod Tema dan Kategori



BAB 1

PENGENALAN



1.0 Pendahuluan

Bab ini mengandungi beberapa aspek penting dalam kajian iaitu latar belakang kajian, kemudian diikuti dengan pernyataan masalah kajian. Melalui pernyataan masalah dan kerangka konsep tersebut, terbentuklah objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian. Di samping itu, kerangka teori sosiologi juga dibincangkan dalam bab ini. Selepas itu, istilah definisi juga dibincangkan dalam bab ini termasuklah kepentingan kajian dan batasan kajian ini. Akhir sekali, bab ini diakhiri dengan rumusan keseluruhan untuk pengenalan bab ini.





1.1 Latar Belakang Kajian

Interaksi silang budaya amat penting dalam mewujudkan komunikasi dua hala di antara pertembungan dua atau lebih tamadun yang berlainan kebudayaan. Sejak kedatangan Portugis ke Kota Melaka pada kurun 1511 sudah wujud interaksi silang budaya di antara masyarakat di Tanah Melayu ketika itu. Tambahan pula, sebelum Kota Melaka dinaungi kuasa oleh Barat, ia merupakan sebuah pusat perdagangan antarabangsa yang terkenal telah menjadi tumpuan pedagang dari China, India, Arab dan Parsi.



Dengan itu, interaksi silang budaya penting dalam perkembangan ekonomi sesebuah negara. Bidang pendidikan antara sumber ekonomi negara yang banyak menyumbang kepada kadar pertumbuhan ekonomi negara. Maka tidak hairan Malaysia banyak menerima kemasukan pelajar antarabangsa sejak beberapa tahun ini (Irma Wani , Jupiter , Hasbullah, & Muhammad Safuan , 2017).

Forum ekonomi dunia (*word economic forum*) telah mengiktiraf Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menyediakan kualiti pendidikan terbaik di dunia. Malaysia menduduki tangga ke-19 jauh meninggalkan negara maju yang lain seperti United Kingdom (20), Perancis (26) dan Jepun (31) (Ismail, 2019). Manakala dalam kalangan negara Asia Tenggara pula, Malaysia menduduki ke (2) di belakang Singapura yang menduduki di tempat (1) teratas dalam carta tersebut. Keadaan ini menjadikan Malaysia antara negara pilihan untuk pelajar antarabangsa menuntut ilmu.





Namun interaksi silang budaya yang wujud telah menimbulkan rasa kebimbangan dalam diri masing-masing. Hal ini kerana mereka kurang fahaman tentang kebudayaan yang wujud di negara ini terutamanya dari sudut fahaman bahasa, perbezaan cara kehidupan seperti makanan, adat dan budaya. Kurang persediaan untuk mempelajari kebudayaan di Malaysia antara alasan utama mereka dalam permasalahan ini (Zuria, Salleh, Saemah, & Noriah, 2010). Selain itu, fahaman bahasa kebangsaan juga penting supaya mereka tidak mudah terpedaya dengan penipuan dan ia juga dapat memberi peluang pekerjaan kepada mereka sekiranya mahu mencari wang saku tambahan atau pengalaman bekerja sampingan.



Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan cara kehidupan yang penuh tatasusila dan kesopanan dalam pergaulan sesama mereka (Hashim Musa & Halimah pondo, 2012). Jadi sebagai anak perantau di negara ini mereka haruslah menghormati budaya masyarakat di Malaysia. Mereka juga haruslah banyak melibatkan diri dalam aktiviti di IPT untuk bergaul dengan pelajar tempatan untuk memahami dan mempelajari budaya masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Akulturasinya ialah satu proses penerimaan unsur kebudayaan dalam kalangan komuniti yang lain terhadap dalam diri seseorang individu yang berlainan identiti daripada mereka (Celenk, 2011). Situasi ini tidak menyebabkan individu tersebut kehilangan identiti budaya asal mereka. Antara sebab individu tersebut sedang mengalami akulturasinya dalam diri mereka ialah apabila seseorang individu tersebut tinggal di sesuatu tempat yang asing daripada kehidupan budaya asal mereka (Abdul





Latif, Salma , Ali, & Sabariah , 2016). Walaupun keadaan ini hanya bersifat sementara tetapi mereka juga perlu menjalinkan interaksi dengan kelompok masyarakat tersebut agar mereka lebih bersifat keterbukaan dalam menerima budaya masyarakat lain.

Dalam keadaan ini seseorang itu perlu menerima perubahan baru keadaan psikologi yang dihadapi dan baru mengadaptasi budaya baru tersebut tanpa meninggalkan budaya yang melambangkan identiti asal mereka (Mohammad & Moulita, 2015). Antara perubahan budaya yang besar bakal diterima oleh mereka ialah cara berinteraksi, pakaian dan perubahan dari segi cara pemakanan (Ahmad Afiq & Abdul Latiff, 2020). Namun jika pola perubahan akulturasi ini tidak mampu diikuti oleh mereka ia boleh mendatangkan masalah lain seperti gangguan tekanan stres, kebimbangan dan kemurungan.



Proses penyesuaian yang berlaku bukan sahaja penyesuaian dalaman atau psikologi, tetapi ia juga boleh terbentuk penyesuaian sosiobudaya melalui proses kefahaman mereka untuk menerima sosiobudaya kehidupan masyarakat lain. Proses seseorang itu bertindak balas atau memberi gerak balas kepada orang lain dinamakan interaksi sosial. Dalam interaksi sosial, manusia sering menggunakan simbol seperti perkataan, perlakuan, objek, dan bahasa untuk berkomunikasi makna dan tujuan mereka (Amir Hasan, 2006).

Kepentingan memahami dunia sosial masyarakat dari sudut pandangan individu yang bertindak dan berinteraksi dalam dunia sosial tersebut. Peranan interaksionisme simbolik ini menunjukkan proses komunikasi yang terwujud dalam kalangan anggota masyarakat yang berbeza identiti kebudayaan mereka. Setiap





masyarakat semestinya memiliki tafsiran yang berbeza berdasarkan bentuk-bentuk simbol yang digunakan

Kehidupan sosial manusia melibatkan satu proses yang berpanjangan dengan meletakkan makna dan tindakan sendiri dan cara membezakannya dengan tindakan orang lain (Linh, 2019). Misalnya, kita boleh bentuk simbol daripada segi bahasa walaupun mempunyai sebutan dan perkataan yang sama tetapi maksud dan penyampaian yang berbeza seperti perkataan “kecemasan” jika di Malaysia ia merujuk kepada seseorang itu berada dialami situasi kelim kabut dan penting manakala lain pula di Indonesia kecemasan merujuk kepada seseorang itu berada dalam keadaan stres atau kebimbangan.

Daripada situasi tersebut dapat dilihat bahawa teori interaksionisme simbolik sangat memainkan peranan penting dalam proses interaksi pelajar antarabangsa di Malaysia. Setiap manusia akan mengubah suai makna simbolik yang dilihat seperti perlakuan, bahasa, objek dan perkataan berdasarkan tafsiran mereka terhadap budaya masing-masing (Yanka & Rex, 2020). Keadaan ini juga dapat dilihat bagaimana individu luar dari kelompok tersebut memberi tindak balas terhadap tafsiran kehidupan sosiobudaya masyarakat lain. Jadi begitulah peranan interaksionisme simbolik dapat dilihat sebagai model yang berfungsi dalam sistem nilai budaya masyarakat yang pelbagai (Linh, 2019). Sekali gus mewujudkan perkembangan pemikiran kognitif dalam ikatan kebudayaan terhadap proses interaksi silang budaya yang lebih efektif.

Tambahan pula, pada waktu ini dunia telah dikejutkan dengan penularan wabak virus COVID-19 yang berisiko membawa maut kepada penghidapnya (Majlis Keselamatan Negara [MKN], 2022). Keadaan ini menyebabkan seluruh universiti





awam atau swasta di negara ini terpaksa ditutup dalam beberapa bulan. Hal ini menyebabkan pelbagai cabaran interaksi silang budaya yang harus dihadapi oleh mereka.

Selain itu, mereka juga perlu menjalani kuliah menerusi dalam talian dan masalah kesukaran untuk mendapatkan bahan maklumat berkaitan pembelajaran. Mereka juga perlu menghadapi cabaran untuk menjalani kehidupan di negara luar dalam situasi pandemik yang agak sukar untuk mereka berkomunikasi dengan warga tempatan kerana kurang pergaulan dengan rakan sekuliah dari warga tempatan untuk mereka jadikan sebagai bahan rujukan (Noriha, Ina Suryani , & Mohamad Zaki , 2020).



Oleh yang demikian, kajian ini haruslah dilaksanakan bagi melihat peranan interaksionisme simbolik dan akulturasi terhadap interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di Malaysia.

1.2 Pernyataan masalah

Sistem pendidikan yang seimbang menyebabkan Malaysia menjadi tumpuan untuk pelajar antarabangsa, terutamanya dalam kalangan negara membangun. Menurut statistik Kementerian Pelajaran Tinggi (KPT) tahun 2018, kemasukan pelajar antarabangsa meningkat sebanyak 170,000 berbanding tahun sebelumnya iaitu 30,000 orang pelajar kerana kualiti dan prestasi pendidikan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) negara kini semakin membangun. Manakala statistik kemasukan pelajar





antarabangsa di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) setakat ini dilaporkan seramai 1,119 orang pelajar pada tahun 2021 (International And Mobility Centre [IMC], 2022). Keadaan telah menyebabkan pertembungan silang budaya di antara individu tempatan dan antarabangsa. Hal ini menyebabkan pelajar antarabangsa perlu menyesuaikan diri dengan pelbagai cabaran interaksi silang budaya yang bakal mereka hadapi ketika menuntut di negara ini.

Justeru, akibat daripada pertembungan silang budaya yang berlaku terdapat pelbagai percanggahan pendapat yang berbeza melalui budaya masing-masing. Menurut Syed Zamberi dan Buchanan (2017), interaksi silang budaya ialah pertembungan di antara dua kumpulan yang berbeza dari sudut kebudayaan melalui proses interaksi dan ketika ini proses pembelajaran antara kedua-dua budaya akan berlaku. Namun, perbezaan cara kehidupan telah menyebabkan banyak berlakunya salah faham yang boleh meruntuhkan ekosistem yang baik di IPT (Fazurawati, 2018). Dalam pertembungan budaya yang berlaku pelajar antarabangsa dan tempatan hanya saling menyoal tentang perbezaan budaya di antara mereka tetapi tidak membincangkan tentang persamaan budaya di antara sesama mereka.

Implikasi yang diperoleh dari pelajar antarabangsa di Malaysia mendapati pelajar ini mempunyai kesukaran untuk berbahasa Inggeris dengan sebutan yang lebih baik kerana gaya bahasa (*accent*) masih dipengaruhi bahasa atau pengucapan negara masing-masing (Nurul Syahidah & Abdul Latiff, 2020). Tambahan pula, sifat pemalu untuk berkomunikasi dengan pelajar tempatan menyebabkan proses interaksi mereka menjadi lemah (Nurul Shahida, 2017). Menurut Dilah (2018) kekurangan persediaan untuk mempelajari kebudayaan tempatan antara alasan utama pelajar antarabangsa





tidak mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang baik. Walau bagaimanapun hasil kajian mendapati proses untuk pelajar antarabangsa mengenali budaya tempatan perlu mengambil masa yang cukup lama dan sentiasa mendapat bantuan dan dipantau daripada pihak universiti tempatan (Hasbullah , et al., 2017).

Sementara itu, kajian oleh Abdul Latif et al., (2016) pula melaporkan bahawa pelajar antarabangsa mengatakan bahawa sangat bangga melihat pelajar tempatan memperagakan busana tradisional seperti baju kurung dan saree ketika datang ke kuliah.

Mereka juga pernah mencuba mengayakan busana tradisional tersebut semasa majlis keramaian seperti sambutan perayaan atau majlis rasmi anjuran kampus tersebut. Tetapi mereka juga menyatakan masyarakat tempatan telah membuka ruang dan pengalaman baru kepada mereka malah ada kalangan mereka memberi pendapat bahawa asimilasi dan akulturasi itu lebih mudah jika tidak terlalu terikat dengan budaya asal tetapi jangan meminggirkan budaya tersebut (Irma wani, et al., 2020). Namun terdapat beberapa penerimaan yang agak lambat sedikit dari segi pemakanan yang dihidangkan di negara ini. Hampir setengah pelajar antarabangsa ini mengambil masa yang agak lama untuk menyesuaikan diri untuk menerima makanan tempatan yang dianggap terlalu pedas dan berempah (Dilah, 2019). Jelasnya kita perlulah menghormati dan menerima budaya masyarakat yang lain asalkan ianya tidak mengubah dan mempengaruhi diri sekiranya bercanggah dari ajaran pegangan masing-masing.

Sementara itu, kajian oleh Nurul Shahida (2017), mendapati pelajar



antarabangsa mengalami kesukaran dalam kuliah kerana kurang memahami beberapa perkataan bahasa Melayu telah digunakan semasa sesi pembelajaran. Kekurangan penguasaan kosa kata bahasa Melayu yang tidak dipraktikkan dengan pelajar tempatan menyebabkan pelajar antarabangsa menjadi lebih takut dan bimbang untuk berkomunikasi secara dua hala dengan masyarakat tempatan (Amirul Mukminin & Zamri , 2019). Meskipun bahasa Inggeris ialah medium yang digunakan semasa dalam pembelajaran tetapi mereka juga perlu memahami sedikit tentang bahasa melayu kerana ia merupakan bahasa kebangsaan di negara ini.

Selain itu, kajian oleh Moulita (2015) mendapati salah pengertian dalam maksud sesuatu perkara menyebabkan pelbagai tafsiran. Kenyataan ini disokong oleh kajian dilaporkan oleh Linh (2019) mengatakan bahawa pelajar antarabangsa mampu mengubah suai makna simbolik yang dilihat berdasarkan tafsiran mereka terhadap situasi individu yang dilihat. Manakala tinjauan yang telah dibuat sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan

1.0 (PKP 1) mendapati penggunaan bahan iklan simbol grafik oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menyebarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) wabak korona sangat memainkan peranan penting untuk pelajar antarabangsa memahami peraturan kesihatan di negara ini. (Noriha, Ina Suryani , & Mohamad Zaki , 2020)

Fenomena ini juga dapat dilihat melalui pemerhatian yang dibuat di lokasi kajian iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pelbagai isu telah diutarakan oleh mereka melalui pemerhatian yang telah dibuat oleh pengkaji. Antara isu yang

dibicarakan oleh pelajar antarabangsa ialah interaksi sosial mereka dalam kehidupan seharian dalam mencari kesefahaman untuk mengenali dan mempelajari kepelbagaian budaya di Malaysia dan isu berkaitan akademik yang merangkumi suasana di bilik kuliah, sistem pentadbiran di universiti dan penggunaan bahasa dalam pergaulan seharian. Kajian ini juga merangkumi masalah akulturasi yang dialami pelajar antarabangsa dari segi cuaca, pemakanan, pemakaian dan banyak lagi yang boleh dirungkaikan.

Interaksi sosial dan akulturasi membawa peranan yang sangat penting dalam menterjemahkan makna simbolik yang digunakan mengikut kefahaman budaya masing-masing. Pembentukan hubungan interaksi silang budaya yang baik akan mencerminkan budaya institusi pendidikan di Malaysia bertaraf dunia pada masa akan datang. Justeru kajian ini perlu dijalankan bagi mengenal pasti peranan interaksionisme simbolik dan akulturasi terhadap interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di Malaysia.

1.3 Objektif Kajian

Menurut pernyataan masalah di atas terdapat lima objektif yang digunakan dalam kajian ini ialah:

- i. Mengenal pasti peranan makna simbolik terhadap interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI.
- ii. Meneroka bentuk makna simbolik terhadap interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI.

- iii. Mengenal pasti peranan akulturasi dengan interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI.
- iv. Membincangkan masalah akulturasi dengan interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI.
- v. Menganalisis strategi yang digunakan untuk meningkatkan proses interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini telah memberi tumpuan pada persoalan kajian berikut yang dirangka berdasarkan objektif kajian:


- i. Apakah peranan makna simbolik terhadap interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI.
- ii. Bagaimana bentuk makna simbolik terhadap interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI.
- iii. Apakah peranan akulturasi dengan interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI.
- iv. Apakah masalah akulturasi dengan interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI.
- v. Apakah strategi yang digunakan untuk meningkatkan proses interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI.

1.5 Kerangka konseptual Kajian

Berdasarkan Rajah 1.1 menunjukkan peranan interaksionisme simbolik dan akulturasi terhadap interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di Malaysia. Tujuan kajian ialah mengenal pasti cabaran interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di Malaysia.

Rajah 1.1

Kerangka konseptual kajian



Dalam kajian ini, penyelidik telah mengadaptasi kerangka konseptual berdasarkan situasi interaksi yang berlaku di lokasi kajian iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.1 Penyelidik telah membawa isu interaksi sosial pelajar antarabangsa melalui makna simbolik. Kajian ini



akan mengenal pasti peranan makna simbolik iaitu objek, bahasa, perkataan dan perlakuan terhadap interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI. Seterusnya, penyelidik juga akan mengenal pasti bentuk makna simbolik terhadap interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI. Terdapat empat jenis bentuk makna simbolik iaitu objek, bahasa, perkataan dan perbuatan (Ritzer, 2008).

Manakala melalui akulturasi pula penyelidik akan mengenal pasti peranan akulturasi terhadap interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI dan mengenal pasti masalah akulturasi terhadap interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di Malaysia.



Sementara itu, kajian ini akan mengenal pasti strategi untuk meningkat proses interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI. Data pelajar ini dikumpul melalui kajian kualitatif iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.

Beberapa teori sosiologi juga akan dikaitkan melalui soalan kajian yang telah dinyatakan. Antara teori sosiologi yang digunakan ialah teori interaksionisme simbolik, teori silang budaya, modal budaya dan modal sosial. Berikut ialah maklumat yang lebih terperinci berkaitan teori sosiologi yang digunakan.

Teori ini telah dipelopori oleh George Hebert Mead. Teori ini memberi penekanan tentang peranan seseorang individu dalam perhubungan sosial mereka. Ini menunjukkan setiap proses interaksi mempunyai pemikiran tertentu dalam diri seseorang dan cara mereka mengadaptasi makna di sebalik simbol itu. Maka perkaitan





teori ini untuk melihat bagaimana ianya boleh memainkan peranan terhadap interaksi silang budaya dalam pelajar antarabangsa. Perkaitan idea teori ini dengan pelajar antarabangsa pula ialah cara pemahaman mereka dalam mengenal setiap percakapan dan penggunaan simbol dalam kehidupan seharian mereka. Setiap masyarakat mempunyai kepercayaan dan budaya yang tersendiri apabila berlaku pertembungan di antara dua budaya yang berbeza sudah tentu kita perbezaan yang ketara dari segi percakapan, pakaian, cara kehidupan, makanan dan banyak lagi. Oleh itu, pandangan pelajar antarabangsa perlu dikumpulkan untuk melihat peranan penggunaan teori interaksionisme simbolik terhadap makna simbolik yang difahami dan digunakan pelajar sepanjang menjalani kehidupan di kampus.

Selain itu, perkaitan modal sosiologi juga digunakan dalam kajian ini ialah modal budaya dan modal sosial. Konsep modal budaya akan ditekankan bagi melihat proses interaksi antara budaya yang berlaku dalam kalangan pelajar antarabangsa. Semua pelajar antarabangsa ini datang dari pelbagai budaya yang berbeza dikumpulkan dalam satu institusi pendidikan.

Manakala konsep modal sosial pula digunakan bagi mengenal pasti keterlibatan pelajar antarabangsa dalam proses interaksi sosial mereka dengan masyarakat tempatan. Pelajar antarabangsa yang berusaha membina rangkaian sosial mereka dengan warga kampus sememangnya boleh memantapkan kualiti kehidupan mereka dengan proses interaksi yang lebih baik dalam kehidupan antara budaya yang berlainan.



Justeru itu, penggunaan teori sosiologi dalam kajian ini dapat membantu pembaca lebih memahami konsep interaksi silang budaya ini melalui pembuktian yang dibuat berdasarkan teori-teori sosiologi yang berkaitan. Sekali gus, kajian ini juga dapat menarik perhatian penyelidik seterusnya untuk meneruskan kajian ini dengan lebih terperinci.

1.6 Definisi Istilah

1.6.1 Interaksi Silang Budaya

Menurut Supianoski (2012), interaksi silang budaya ialah pertembungan diantara dua kumpulan yang berbeza dari sudut bahasa, budaya dan cara kehidupan. Percanggahan pendapat boleh berlaku sekiranya dua atau lebih daripada kumpulan ini tidak menemui kesepakatan dalam perbahasan budaya yang diutarakan tentang kebudayaan masing-masing. Manakala Moulita (2015) menyatakan interaksi silang budaya ialah bentuk komunikasi yang berbeza diantara peradaban yang bertembung dalam suatu situasi. Sebagai individu yang hidup dalam kehidupan yang dipenuhi oleh pelbagai corak norma manusia, kita haruslah belajar untuk mengetahui, memahami dan menghormati budaya masyarakat yang lain. Merujuk pula kenyataan dari Ismail (2019) perbezaan latar belakang dua individu atau lebih dalam komunikasi adalah proses pembentukan silang budaya. Latar belakang sejarah yang berbeza seperti pakaian, rupa, bahasa, adat resam, makanan, kepercayaan, moral, nilai hidup dan tempat tinggal telah melahirkan keharmonian yang menarik bagi setiap kumpulan manusia yang berada di bumi ini. Dalam kajian ini, responden yang akan dikaji ialah pelajar



antarabangsa yang terdiri daripada pelbagai negara dan latar belakang yang berbeza. Mereka akan berkongsi cabaran interaksi silang budaya mereka sepanjang menimba ilmu di universiti awam negara ini.

1.6.2 Akulturasi

Akulturasi merupakan satu proses penerimaan unsur kebudayaan luar dari norma kehidupan dalam kalangan individu atau kelompok yang berbeza latar belakang budaya (Pratiwi, 2016). Ia terjadi apabila berlakunya pertembungan di antara dua atau lebih kelompok manusia yang berlainan kebudayaan. Individu yang berada dalam lingkungan ini selalunya akan berusaha untuk memahami dan mempelajari sesuatu yang dianggap baru oleh mereka. Berbeza dengan proses asimilasi, proses akulturasi tidak menyebabkan kehilangan identiti asal individu yang menerima. Menurut Faqiha (2021) proses akulturasi boleh membentuk perpaduan dalam kehidupan sesebuah masyarakat yang mengalami pertembungan budaya. Akulturasi juga telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu akulturasi ekstrem dan akulturasi damai. Melalui dunia pendidikan, akulturasi ini dapat dicapai pertembungan kepelbagaian etnik di dalam sesebuah institusi pendidikan. Akulturasi juga membentuk kesefahaman dan sikap timbang rasa dalam interaksi silang budaya masyarakat yang menerima. Melalui kajian ini, penyelidik akan melihat peranan akulturasi dalam membantu hubungan interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa.





1.6.3 Interaksionalisme simbolik

Menurut George Herbert Mead teori interaksionisme simbolik merupakan interaksi sosial yang terjadi berpunca daripada penggunaan simbol-simbol yang memiliki makna. Simbol- simbol tersebut telah menciptakan makna yang dapat mewujudkan interaksi sosial antara individu satu dengan individu lainnya.

Sebagai contohnya, teori interaksionisme simbolik dalam kehidupan seharian adalah ketika kita sedang melakukan aktiviti berkelompok seperti bersukan, jadi aktiviti melibatkan banyak kelompok masyarakat sekeliling berkumpul. Interaksi tersebut memberikan makna atau suatu peranan dalam aktiviti harian pada setiap individu. Ia juga terdiri daripada empat cabang komunikasi iaitu melalui bahasa, perkataan, perlakuan dan simbol.

1.6.3.1 Bahasa

Hasil tinjauan daripada Kamus Dewan Edisi Ketiga menjelaskan bahawa bahasa ialah sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia. Bahasa juga ditakrifkan sebagai suatu sistem pertuturan yang arbitrari yang digunakan dalam sebuah kelompok masyarakat untuk mereka berkomunikasi (Zulkifley, 2012; Bloch &Trager, 1942). Selain itu, keupayaan menguasai sesuatu bahasa dengan baik membolehkan seseorang itu dapat berkomunikasi dengan lebih lancar dan berkesan. Setiap bahasa mempunyai suatu sistem tertentu yang menjadi asas kepada penuturnya. Bahasa juga dapat





menghubungkan komunikasi individu tersebut melalui jarak, tempat atau masa. Oleh yang demikian, bahasa merupakan sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok masyarakat yang berbeza.

1.6.3.2 Perkataan

Manakala istilah perkataan pula membentuk gabungan bunyi dalam sesuatu bahasa dibicarakan atau ditulis dengan menggunakan abjad huruf untuk menyampaikan sesuatu maksud. Selain itu, menurut kamus Melayu Edisi keempat mengatakan bahawa perkataan terdiri daripada unit bahasa yang membawa erti dan terdiri dari satu atau lebih morfem yang saling diikat rapat, serta membawa nilai fonetik. Biasanya, perkataan terdiri daripada kata akar atau kata dasar yang diiringi imbuhan mahupun tanpa diiringi imbuhan. Perkataan boleh digabung agar dijadikan ungkapan, klausa dan ayat. Perkataan yang terdiri dari gabungan dua atau lebih kata dasar menjadi kata majmuk, manakala gabungan cebis- cebisan perkataan pula dipanggil kata lakur (Dr. Mohd Afifi, et al., 2020). Konsep perkataan merupakan unit ujaran yang bebas dan bermakna. Perkataan juga boleh menjadi kumpulan kata atau apa-apa yang diucapkan oleh orang. Perkataan boleh menjadi salah satu daripada tiga bentuk iaitu bentuk dasar, bentuk terbitan dan akar ayat.





1.6.3.3 Perlakuan

Perlakuan atau tingkah laku adalah apa yang dilakukan atau diperkatakan oleh seseorang individu. (Amir Hasan, 2006) Dalam erti kata lain pelakuan ini merupakan semua tindakan manusia yang boleh diperhatikan, diukur dan dinilai sama ada perbuatan tersebut dilakukan secara langsung ataupun tanpa disedari individu tersebut. Pelakuan juga menunjukkan manifestasi fizikal sikap seseorang yang juga berasaskan nilai-nilai tertentu yang dipelajari atau dicontohi melalui proses budaya yang diterima (Azizi, Peter, Ismail, & Mohd Dahlan, 2020).

1.6.4.3 Simbol



Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (kamus pelajar edisi keempat), simbol merujuk kepada yang mewakili lambang, tanda, logo atau ideograf/ideogram. Linh (2019) pula menyatakan simbol merupakan objek yang berpandukan pada tanda atau maksud tertentu. Setiap simbol yang dikeluarkan mewakili maknanya yang tersirat. simbol juga cukup sinonim dengan kehidupan kita, jika kita melihat simbol sudah tentu otak kita akan mentafsir sesuatu berkaitan makna itu (Suhaimi, 2017). Simbol selalunya kita dapat lihat melalui tanda di jalan raya, pusat membeli belah, organisasi atau sekolah. simbol juga berkaitan dengan lambang kebudayaan dalam sesebuah masyarakat. Sesetengah masyarakat mempunyai makna yang tersendiri dalam mentafsirkan simbol yang diwakili melalui bentuk perkataan, bahasa, perlakuan dan objek. Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji tentang perbezaan bentuk simbol yang mempunyai makna yang berlainan dalam setiap norma budaya dalam





kalangan pelajar antarabangsa tersebut.

1.6.4 Pelajar Antarabangsa

Pelajar antarabangsa ialah kumpulan individu yang datang dari negara yang berbeza ke sesebuah negara untuk menimba ilmu. Menurut Hasbullah et al., (2017) pelajar antarabangsa merupakan gugusan manusia yang berlainan latar belakang budaya dan gaya hidup yang memilih ke institusi pengajian Malaysia untuk menuntut ilmu. Kebanyakan mereka datang dari negara yang sedang membangun seperti Indonesia, Negeria, Afrika Selatan, Thailand atau Brunei. Kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia saban hari semakin meningkat kerana negara ini mempunyai kualiti pendidikan yang seimbang samada di universiti tempatan ataupun swasta. Oleh itu, kajian ini memilih pelajar antarabangsa peringkat siswazah dari Universiti Pendidikan Sultan Idris.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya berfokus untuk mengenalpasti peranan interaksionisme simbolik dan akulturasi terhadap interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di Malaysia. Lokasi kajian hanya tertumpu di Universiti pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Mahasiswa yang terlibat dalam kajian ini ialah pelajar antarabangsa dari Institusi Pengajian Siswazah sahaja. Kajian ini juga berbentuk kajian kualitatif untuk mendapatkan hasil kajian yang mantap.





Pemilihan sampel kajian juga hanya melibatkan pelajar antarabangsa yang berasal dari negara-negara Asia sahaja. Pemilihan sampel ini dikecilkan bertujuan untuk melihat dari sudut perspektif masyarakat Asia terlebih dahulu berkaitan makna simbolik dan akulturasi terutama sekali dalam bidang pendidikan yang dialami mereka sepanjang berada dalam tempoh pengajian di Malaysia.

Selain itu, penyelidikan ini juga menghadapi beberapa kesukaran untuk menjalankan pemerhatian awal. Sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan hanya dua kali saja pemerhatian dapat dijalankan memandangkan negara ini masih berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada ketika itu. Hal ini menyukarkan untuk penyelidikan menjalankan pemerhatian secara berterusan dan mengemaskini nota catatan lapangan yang disediakan.



Justeru setiap penyelidikan yang dijalankan pasti akan menjalani pelbagai cabaran yang membataskan penyelidikan tersebut sehingga ianya boleh diterbitkan dengan baik. Sebagai penyelidik haruslah bersifat lebih profesional dalam menjalankan penyelidikan mereka dengan penuh etika dan tidak melanggar segala prosedur yang telah ditetapkan dalam etika penyelidikan dalam pendidikan.

1.8 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai kepentingan masing-masing termasuklah kajian ini. Kepentingan yang paling utama dalam kajian ini ialah untuk mengenalpasti cabaran interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di Malaysia.





Selain itu, kajian ini juga akan mengenalpasti peranan makna simbolik dan akulturasi dengan interaksi silang budaya yang dialami oleh pelajar antarabangsa dalam tempoh menyesuaikan diri sepanjang berada Malaysia.

Dari aspek teori sosiologi, kajian ini juga akan mengaitkan teori interaksionisme simbolik, teori silang budaya, modal budaya dan modal sosial dengan interaksi silang budaya yang berlaku diantara pelajar antarabangsa dengan komuniti tempatan. Maka diharap dapatan yang akan dibuat dapat menyokong teori ini sebagai salah satu faktor penting dalam perhubungan komunikasi sesama manusia. Selain itu, kajian ini juga akan menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan hasil yang lebih terperinci.



Seterusnya, kajian ini akan menjadi sumber rujukan mahasiswa di masa hadapan. Dapatan kajian ini membolehkan pihak universiti mencari idea yang lebih menarik untuk menarik mahasiswa luar negara datang untuk menuntut ilmu disana. Mereka juga boleh mendapatkan data berkenaan cabaran interaksi silang budaya yang dilalui pelajar antarabangsa dan mencari penyelesaian untuk memulihkan permasalahan ini. Siswazah juga dapat berkongsi tentang pengalaman yang dialami mereka untuk tujuan pendidikan bagi generasi akan datang. Pengalaman yang akan dikongsikan oleh mereka akan menjadi sumber rujukan bagi kajian yang akan datang.

Bagi pihak berkaitan pula seperti pihak universiti juga boleh menjadikan kajian sebagai salah satu rujukan mereka untuk membina pelan strategi yang lebih baik dalam membina proses interaksi pelajar antarabangsa di kampus mereka. Hal ini juga akan meningkat prestasi institusi pendidikan tersebut serta membolehkan mereka





mendapatkan tempat dalam kedudukan institusi pendidikan yang terbaik di persada dunia. Pencapaian ini juga sekaligus akan menjadi universiti tempatan menjadi pilihan antarabangsa serta mengangkat kemahiran mengajar tenaga pendidik tempatan di mata masyarakat dunia.

Tuntasnya, kepentingan kajian ini akan merangkumi untuk semua pihak yang berkaitan dan dapatan kajian ini juga penting untuk mereka mendapatkan maklumat tentang permasalahan yang berlaku diantara pelajar antarabangsa yang menimba ilmu di Malaysia.





1.9 Rumusan Bab

Dalam bab ini, ianya akan memberi gambaran mengenai kajian yang tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian berkaitan peranan interaksionisme simbolik dan akulturasi terhadap interaksi silang budaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di Malaysia. Seterusnya, bab ini juga dapat memberi pengenalan tentang tujuan pelaksanaan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian dan kepentingan untuk kajian ini.

Kemudian kajian ini juga telah merangka sebuah kerangka konsep kajian untuk pemahaman mengenai penyelidikan yang akan dijalankan. Untuk bab yang seterusnya, penyelidik akan membincangkan tentang kajian-kajian yang lepas yang telah dijalankan bagi menyokong kajian ini. Dapatan kajian lepas juga akan dibincangkan untuk melihat hasil perbincangan yang telah dibincangkan daripada kajian terdahulu untuk panduan penyelidik.

